

Tuan-tuan dan Puan-puan serta hadirin hadirat yang dihormati sekalian.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat pagi.*

1. Setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya dapat kita mengadakan perhimpunan bulanan pada pagi yang suci ini. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh Pengacara Majlis sebentar tadi berkenaan dengan pelantikan saya sebagai Naib Canselor baru menggantikan Y.Bhg. Datuk Dr. Muhammad Rais Abdul Karim, saya amat bersyukur kehadiran Illahi di atas kurnia yang besar ini. Namun demikian, bagi saya ini adalah merupakan tanggungjawab dan amanah yang cukup besar dan berat untuk saya pikul dan laksanakan bersendirian.
2. Dengan itu, izinkan saya meminjam kata-kata YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, sewaktu hari pertama beliau dilantik sebagai Perdana Menteri, katanya: **"Bekerjalah bersama-sama saya bukan bekerja untuk saya"**. Justeru saya menyeru tuan/puan semua warga UPSI termasuk pelajar-pelajar, untuk bekerja bersama-sama saya di dalam memastikan UPSI terus maju, menerajui kepimpinan pendidikan negara. Berilah sokongan dan kerjasama yang baik kepada saya, sebagaimana yang tuan/puan telah berikan kepada Y. Bhg. Datuk Dr. Muhammad Rais, mantan Naib Canselor kita dan Naib Canselor-Naib Canselor yang terdahulu. Kejayaan UPSI bukanlah menjadi tanggungjawab naib canselor seorang sahaja, tetapi ianya hendaklah didokongi bersama oleh semua warganya UPSI.
3. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih khususnya kepada semua kakitangan akademik, Bahagian Akademik, Bahagian BSM dll, yang telah berkhidmat di bawah saya semasa saya bertugas sebagai Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa) sebelum ini. Walaupun kerusi ini (TNC A&A), masih lagi kosong, namun insyaallah saya dan rakan-rakan TNC yang lain akan berusaha meminta kerjasama pihak Kementerian untuk mempercepatkan perlantikan ini. Saya berharap tuan/puan warga UPSI semua, dapat memberikan kerjasama dan komitmen yang baik juga kepada kepimpinan baru ini. Saya berdoa agar mempunyai pasukan kepimpinan yang sentiasa bekerjasama secara profesional sebagai satu pasukan.

4. Tuan/Puan sidang hadirin sekalian. Buat masa sekarang saya akan meneruskan amalan-amalan dan dasar-dasar sedia ada. Namun, saya juga ingin membawa perubahan kepada UPSI supaya kita akan lebih maju dan terus ke hadapan dalam semua aspek pendidikan. **Oleh itu, saya akan membuka sebuah laman web, khusus untuk tuan/puan dan pelajar-pelajar memberi idea-idea konstruktif untuk saya dan kepimpinan UPSI laksanakan demi kecemerlangan universiti yang kita cintai ini.**
5. Saya ingin mendapatkan sebanyak-banyak buah fikiran daripada semua pihak untuk sama-sama kita tingkatkan pencapaian UPSI. Saya juga akan mengamalkan 'open-door policy' bagi sesiapa sahaja yang ingin berjumpa dengan saya untuk berbincang mengenai hal-hal yang relevan dengan fungsi kita sebagai universiti pendidikan.
6. Tuan/Puan sidang hadirin sekalian, sebagaimana sedia maklum, kita baru sahaja selesai melaksanakan Istiadat Konvokesyen ke-9 Sidang ke-2 pada 2 minggu yang lepas. Majlis yang menyaksikan seramai 2941 graduan daripada pelbagai bidang diijazahkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua kakitangan yang bekerja keras di dalam menjayakan istiadat

konvokesyen kali ini. Walaupun istiadat kali ini terpaksa dijalankan dalam 8 sesi yang melibatkan 4 hari bekerja, namun saya melihat kesungguhan dan ketekunan semua urusetia melaksanakan tugas-tugas masing-masing begitu baik dan cemerlang. Memang saya akui, terdapat sedikit-sebanyak kelemahan, tetapi ambillah iktibar dan pengajaran serta buat penambahbaikan pada sidang konvokesyen yang akan datang.

7. Begitu juga dengan Majlis Pemasyhuran Perpustakaan Tuanku Bainun dan Hari ICT yang diadakan pada 8 Ogos yang lalu, Saya turut mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakannya. Dalam majlis-majlis tersebut, Nilai bitara seperti semangat berpasukan, berintegriti, profesional, berkualiti, kompeten dan lain-lain lagi telah berjaya kita terap dan aplikasikan. Tahniah dan Terima kasih sekali lagi kepada anda semua.
8. Tuan-tuan dan puan-puan, pada bulan Ogos yang lepas juga kita telah menyambut Hari Kebangsaan ke-50. Seperti biasa, kehadiran bulan ini disambut dengan pelbagai acara yang dapat mengingatkan kita terhadap pengorbanan generasi terdahulu, termasuk golongan pendidik. Pengorbanan ini tentunya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Tetapi kesannya dapat kita nikmati sekarang.
9. UPSI telah mengadakan pelbagai acara yang relevan dengan sambutan bulan kemerdekaan ini, dimulai dengan penyertaan mahasiswa kita di dalam Larian Obor Kemerdekaan D'SIPMA dan Larian Kemerdekaan KPT 2007. Ini disusuli dengan acara-acara ceramah oleh pemimpin-pemimpin negara, forum perdana, pesta

tanglung, sembahyang hajat dan tahlil, telah diadakan, disamping acara Malam Memperingati Kemerdekaan dan kemuncaknya Sambutan Malam Ambang Kemerdekaan pada minggu lepas. UPSI juga tidak ketinggalan dalam mengibarkan bendera kemegahan kita, Jalur Gemilang, di bangunan-bangunan sekitar kampus sebagai lambang patriotisma kepada negara. Apakah yang telah kita pelajari dari sambutan hari kemerdekaan ke 50 tersebut? Jika kita renungi, ianya amat banyak yang boleh kita pelajari, terutama kesedaran untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan sesama kaum dan perpaduan rakyat. Sebagai bakal guru, mahasiswa UPSI berperanan mendidik anak bangsa untuk menghargai dan menghayati erti kemerdekaan negara.

10. Tuan-tuan dan puan-puan, Sebagai memenuhi tanggungjawab saya sebagai Naib Canselor, saya bertekad untuk menjadikan UPSI sebuah institusi pendidikan yang cemerlang dan terkenal di Malaysia, di peringkat serantau dan antarabangsa. Saya juga berhasrat menjadikan UPSI sebuah Universiti yang terkehadapan dalam penerokaan ilmu baru dalam semua aspek bidang pendidikan dan mempunyai jaringan 'network' yang luas di dalam dan luar negara. Bagi memenuhi misi tersebut, saya telah menggariskan 10 kaedah untuk kita sama-sama hayati dan praktikkan, iaitu:

**Pertama:** Memperkenalkan kaedah-kaedah terbaru dan inovasi yang kreatif berlandaskan teknologi terkini ke dalam program pendidikan guru di UPSI supaya UPSI dapat melahirkan guru-guru yang terbaik dan berkualiti tinggi. Saya berharap agar kurikulum yang sedia ada juga dapat diperbaiki secara berkala agar graduan yang dihasilkan lebih berketrampilan dan menepati pasaran kerja.

**Kedua:** Meningkatkan profesionalisme guru dan pensyarah, bermula di UPSI dan seterusnya untuk seluruh negara. Untuk itu kita wajar menubuhkan Majlis Profesional Guru Malaysia, iaitu satu badan profesional yang mengiktiraf guru berdasarkan piawai kualiti yang bersesuaian dengan kedudukan semasa di Malaysia dan dunia.

**Ketiga:** Menjadikan UPSI peneraju dalam penyelidikan pendidikan kerana dengan cara itulah sahaja kita dapat membezakan UPSI dengan IPG dan lain-lain Fakulti Pendidikan. Kita perlu melipatgandakan penyelidikan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

**Keempat:** Menubuhkan pusat-pusat kecemerlangan bagi menjalankan penyelidikan dan penerbitan yang boleh menjadi pusat rujukan kepada negara dalam bidang pendidikan. Untuk tujuan ini jaringan kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara harus dipertingkatkan.

**Kelima:** Menjadikan UPSI sebuah universiti yang termoden dan terkini dari segi penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

**Keenam:** Menjadikan UPSI sebagai universiti utama yang mengeksport bidang-bidang ilmu pendidikan indigenus ke luar negara melalui kurikulum yang berjaya melahirkan warga yang berakhlak mulia, bersifat toleran dalam masyarakat berbilang kaum & budaya.

**Ketujuh:** Memastikan pensyarah dan pelajar-pelajar UPSI mendapatkan pengiktirafan badan-badan dunia seperti UNESCO, ISESCO, Commonwealth, EU, United Nation dan badan-badan

profesional lain, melalui penyertaan dalam aktiviti-aktiviti badan-badan tersebut. Saya ingin menyediakan peruntukan khas untuk membolehkan pensyarah dan pelajar menyertai kongres, perhimpunan dan sebagainya yang dianjurkan oleh badan-badan dunia tersebut. Ini adalah satu langkah kita ke arah proses pengantarabangsaan, insyaAllah.

**Kelapan:** Membina prasarana yang lengkap, terkini dan mesra bagi Orang Kelainan Upaya (OKU).

**Kesembilan:** Mempunyai sekurang-kurangnya 5-10% bilangan pelajar antarabangsa dalam program Ijazah Lanjutan.

**Kesepuluh:** Memajukan konsep 'Pendidikan Sepanjang Hayat' sebagai amalan profesional di UPSI. Ini termasuklah kakitangan UPSI yang menjadi tulang belakang Universiti. Bagi kakitangan akademik, 75% daripadanya perlu mempunyai PhD, manakala kakitangan pentadniran dan sokongan adalah sangat-sangat digalakkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan keperluan bekerja di sebuah institusi pengajian tinggi seperti UPSI.

Bersempena dengan pelancaran Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara oleh YAB Perdana Menteri kita pada 27 Ogos lalu, kaedah-kaedah yang telah saya sebutkan sebentar tadi nampaknya selari dengan teras-teras strategik yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri iaitu di antaranya menambahbaik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguhkan penyelidikan dan inovasi, memperkasakan IPT, mempergiatkan pengantarabangsaan dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Saya berpegang kepada konsep bahawa setiap individu mempunyai potensi, kebolehan dan keupayaan untuk belajar dan berjaya. Keupayaan tersebut hendaklah dipupuk dan digilap supaya individu boleh menjadi cemerlang. Saya percaya bahawa semua pelajar mempunyai potensi yang boleh dikembangkan melalui pembelajaran yang bermakna. Aspek-aspek perbezaan individu, 'Multiple Intelligences', kebolehan memberi motivasi, bimbingan dan kaunseling, kebolehan menilai prestasi pembelajaran dan kemahiran mengajar adalah asas kepada falsafah seorang pendidik. Saya mahu memastikan setiap pelajar dapat mengembangkan potensi mereka yang maksimum di UPSI sebelum melangkah kaki ke sekolah. Saya juga ingin meningkatkan usaha menarik alumni UPSI untuk kembali dan menyumbang kepada *alma mater* mereka, bukan hanya bertumpu kepada alumni SITC.

13. Demikianlah ucapan saya pada perhimpunan pagi bagi bulan September 2007 ini, InsyaAllah semua perkara yang saya sebutkan ini akan saya perhalusi dan perincikan dalam Ucapan Dasar saya yang akan saya berikan dalam masa terdekat. Sekali lagi saya berharap seluruh warga UPSI dapat bekerja bersama-sama dengan saya di dalam memajukan Universiti ini dan membudayakan ilmu sebagai amalan hidup kita setiap hari, bukannya membudayakan amalan fitnah memfitnah atau umpat mengumpat. Saya berharap kehadiran saya sebagai Naib Canselor yang baru akan membantu mentransformasikan UPSI agar dapat menjadi universiti APEK, disamping kita cuba mendaki tangga ke arah menjadi 100 universiti terbaik dunia suatu hari kelak, insyaAllah.

Sekian sahaja terima kasih, dan wassalamu'laikum WBT.

